

<b>TARIKH</b>	SELASA, 3 OGOS 2021
<b>AKHBAR</b>	BERITA HARIAN
<b>TAJUK ARTIKEL</b>	JULIA BUKTIKAN KEMAMPUAN DALAM BIDANG NUKLEAR
<b>M/S</b>	P27
<b>BIDANG</b>	NUCLEAR MALAYSIA
<b>KATA KUNCI</b>	DR JULIA ABDUL KARIM, RESEARCHER

# Julia bukti kemampuan dalam bidang nuklear

**Pengurus Pusat Teknologi Reaktor, Agensi Nuklear Malaysia bermula dari bawah cipta kejayaan**

**Cik Saadiah Ismail**  
saadiah\_ismail@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Berada dalam bidang dimonopoli lelaki yang membabitkan teknologi nuklear, bukan perkara yang mudah kerana ia berkait rapat dengan teknik dan kepakaran tertentu.

Ditambah persepsi wanita tidak layak berada dalam bidang itu, menjadikan hanya segelintir wanita yang benar-benar kental meneruskan kerjaya berkenaan.

Mengubah persepsi itu, Pengurus Pusat Teknologi Reaktor, Agensi Nuklear Malaysia, Dr Julia Abdul Karim, membuktikan beliau yang bermula dari bawah, mampu mengetuai antara bahagian terpenting di dalam agensi berkenaan.

Katanya, usaha dan semangat yang tinggi tanpa mudah berputus asa perlu bagi memastikan komitmen padu secara berterusan.

"Ini adalah bidang sains dan teknologi sentiasa diperbaharui, membuatkan kita perlu maju melangkah untuk menjadikan tugas dipikul bertambah menarik.

"Kita teruja kerana dari semasa ke semasa belajar teknologi baharu, sentiasa berbincang dengan rakan kerja dari luar

negara untuk mencari penyelesaian terbaik sesuatu teknologi dan sebagainya.

"Apabila satu tugas atau pencarian teknologi terbaru dapat diselesaikan, ia memberi kepuasan tidak terhingga kerana manfaatnya sangat besar untuk semua orang," katanya yang sudah lebih 20 tahun bertugas di pusat itu.

Julia juga terus aktif melakukan kajian membabitkan tugas mengendalikannya reaktor.

Antara kajian sedang dilakukan ialah analisis keselamatan Reaktor TRIGA PUSPATI, Penilaian Sistem, Struktur dan Komponen (SSC) untuk Pengurusan Penuaan Reaktor TRIGA PUSPATI dan Pengukuran dan analisis ciri teras Reaktor TRIGA PUSPATI.

Tidak mustahil, kecemerlangan dan kewibawaan Julia da-

lam bidang ini diiktiraf apabila menerima beberapa anugerah termasuk memenangi pingat emas pada Pameran Penemuan, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa, Malaysia (ITEX2019); pingat perak pada Hari Inovasi Nuklear Malaysia 2018; pingat gangsa untuk i-PPRx pada Hari Inovasi Nuklear Malaysia 2018 dan bermacam-macam lagi.

Kejayaan itu menunjukkan peranan wanita dalam bidang ini tiada sempadan dan mengetepikan jurang gender, sekali gus menjadi golongan itu penyumbang aktif kepada negara.

"Kita tidak boleh menafikan wanita mempunyai peranan hebat dalam pembangunan negara, termasuk sebagai pembuat dasar.

"Saya antara yang terbabit sebagai pembuat dasar negara membabitkan keselamatan da-

sar bahan radioaktif dan bahan api terpakai.

"Wanita memiliki sisi istimewa tersendiri yang boleh melihat sesuatu isu lebih mendalam dan teliti supaya pada masa akan hadapan, kesannya tidak membebankan generasi seterusnya.

"Contohnya, wanita berperanan memastikan keselamatan dan pengurusan sisa radioaktif dilengkapi strategi dan pendekatan sebelum dirawat dan dilepaskan ke punca air dalam keadaan selamat dan terkawal.

"Tetapi masyarakat tidak perlu gusar kerana terdapat badan penguatkuasaan iaitu agensi Lembaga Pelesenan Tenaga Atom di bawah Akta 304 yang akan memantau bagi melindungi penggunaan bahan sumber aktif di negara ini," katanya.

Bagaimanapun, bagi wanita

“Apabila satu tugas atau pencarian teknologi terbaru dapat diselesaikan, ia memberi kepuasan tidak terhingga kerana manfaatnya sangat besar untuk semua orang”

**Dr Julia Abdul Karim,**  
Pengurus Pusat Teknologi Reaktor, Agensi Nuklear Malaysia



yang tidak dapat meneruskan kerjaya dalam bidang ini, ilmu diperoleh boleh diaplikasikan dalam dalam banyak perkara.

Katanya, teknologi nuklear memberikan banyak manfaat membabitkan penyelidikan antaranya dalam bidang seperti industri, pertanian, perubahan alam sekitar, pendidikan dan tenaga hijau.

"Antaranya menerusi bidang perubatan ini ia membantu merawat pesakit kanser, manakala dalam industri pula membantu mengesan kebocoran minyak dan gas.

"Dalam bidang pertanian, contohnya bagi meningkatkan keupayaan penghasilan padi untuk tiga kali setahun, banyak elemen teknologi disuntik pada benih berkenaan supaya dalam keadaan kemarau atau banjir, padi tetap mengeluarkan hasil," katanya.

Orang ramai juga dialu-alukan ke Pusat Nuklear untuk melihat kemudahan dan penyelidikan dihasilkan.

"Kita boleh berkongsi mengenai fungsi nuklear supaya pemahaman mengenai industri ini tidak," katanya menerima sekurang-kurangnya 5,000 pengunjung saban tahun sebelum pandemik.



Julia memberi taklimat mengenai reaktor kepada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin ketika lawatan kerja beliau ke Agensi Nuklear Malaysia, tahun lalu.

**DISEDIAKAN  
OLEH**

**1-CIK RAJA MUSFARIZAL BINTI RAJA MUHAMAD (S19), BPM  
2-EN CARLOS LINTON (S19), BPM  
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM**